

Kampung sering banjir

Sistem saliran tidak diselenggara dipercayai antara punca



Hamzah menunjukkan sistem saliran berdekatan kediamannya yang didakwa sudah lama tidak diselenggara.

JOHAN SETIA - Sistem saliran di depan kediaman penduduk di Kampung Johan Setia yang tidak diselenggara dan dipenuhi tumbuhan liar dipercayai antara punca berlakunya banjir di kawasan itu.

Tinjauan *Sinar Harian* di Kampung terbabit mendapati kebanyakan kediaman yang dinaiki air terletak berdekatan sistem saliran tersebut yang menjadi saliran air utama penduduk.

Penduduk yang juga mangsa banjir, Hamzah Bimbang mendakwa, sudah lama sistem saliran itu tidak dibersihkan, sehingga rumput dan pelbagai tumbuhan lain memenuhi bahagian tepi dan permukaannya.

"Setiap kali hujan lebat, air akan bergerak perlahan terutamanya sekiranya hujan dalam tempoh panjang, limpahan air akan berlaku.

"Apabila air melimpah, pekarang-

an kediaman penduduk akan dinaiki air hingga memasuki ruangan dalam rumah seperti mana berlaku dua minggu lalu," katanya.

Menurutnya, bukan sahaja tumbuh-tumbuhan, malah sampah dibawa aliran air dari lokasi lain juga turut menambahkan lagi masalah tersebut sehingga ia tersangkut pada akar pokok.

"Justeru, pihak berkenaan harus menyelenggara segera sistem ini yang mana jika dibiarkan, kami khawatir kejadian sama berulang.

"Air dalam sistem ini sentiasa penuh dan jika hujan lebat dalam tempoh lebih sejam, air pasti naik dan melimpah," katanya.

Hamzah berkata, dia, jiran-jiran dan penduduk di situ tidak sanggup lagi berhadapan kejadian sama sehingga air memasuki kediaman serta menenggelamkan

barangan perabot dan peralatan lain.

"Kejadian seumpama ini banyak kali berlaku dan kami tidak tahan lagi memandangkan setiap kali hujan lebat, hati kami pasti tidak senang.

"Justeru, kami benar-benar berharap pihak bertanggungjawab mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini walaupun kejadian ini dianggap bencana alam.

"Setiap permasalahan pasti ada jalan penyelesaiannya dan jika punca-puncanya dapat ditangani, saya yakin penduduk dan juga mangsa banjir pasti gembira dan dapat hidup dalam tenteram," katanya.

Kampung Johan Setia antara kampung di Klang yang turut dinaiki air hingga puluhan penduduk dipindahkan ke sebuah asrama rumah anak yatim berdekatan selepas kediaman mereka dimasuki air kira-kira dua minggu lalu.